

2016

# PENDAPATAN PENGGAJIAN INDIVIDU



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R02/16

2

## PENDAPATAN PENGGAJIAN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Gaji, upah, bonus, yuran pengarah, komisen, elauan, perkuisit, ganjaran, bayaran lebih masa, tip, pampasan, Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP), cukai ditanggung majikan dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- Manfaat Berupa Barang daripada majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- Kediaman yang disediakan oleh majikan (Nilai Tempat Kediaman)
- Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan
- Pampasan kerana kehilangan pekerjaan

## TANGGUNGJAWAB PEKERJA

- Isi dan hantar Borang e-BE melalui **e-Filing**
- Tidak perlu hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan jika memilih PCB sebagai Cukai Muktamad (maklumat lanjut boleh diperolehi di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my))

## PERHATIAN

**Simpan Penyata Saraan daripada majikan (EA / EC / lain-lain) dan resit-resit tuntutan pelepasan selama 7 tahun**

Tarikh akhir menghantar Borang BE dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 April setiap tahun**

### KESALAHAN JENAYAH

Kegagalan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) di Borang Nyata Cukai Pendapatan

### KESALAHAN SIVIL

Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan:  
**30 April setiap tahun**

## POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- Bayaran ansuran pendahuluan yang ditolak secara bulanan daripada saraan pekerja
- Bertujuan meringankan beban pekerja daripada membayar cukai secara sekaligus
- Dikira berdasarkan Kaedah Pengiraan Berkomputer (**Kalkulator PCB / e-PCB / e-Data PCB**) atau Jadual PCB
- Lengkapkan Borang TP1 / TP3 bagi memastikan majikan membuat PCB yang betul
- Saraan bulanan minimum layak PCB (selepas tolak KWSP):
  - Individu Bujang = **RM2,851**
  - Individu Berkahwin dan Pasangan Tidak Bekerja = **RM3,851**

## SARAAN PEKERJA YANG TERTAKLUK KEPADA PCB (SEMUA JENIS PENDAPATAN PENGGAJIAN)

- 1 Gaji
- 2 Bayaran lebih masa
- 3 Tip
- 4 Bonus / Insentif
- 5 Perkuisit
- 6 Cukai ditanggung majikan
- 7 Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)
- 8 Upah
- 9 Komisen
- 10 Elauan
- 11 Yuran pengarah
- 12 Pampasan
- 13 Ganjaran
- 14 Manfaat Berupa Barang (MBB)
- 15 Nilai Tempat Kediaman (NTK)
- 16 Saraan lain

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.